

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 22.05.2026 MASA: 12.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

SESI *OUTREACH* ENAKMEN WARISAN NEGERI
PULAU PINANG 2011 DAN AKTA WARISAN
KEBANGSAAN 2005 [AKTA 645]

TARIKH / MASA / TEMPAT

**22 MEI 2026 (JUMAAT)
3.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Puan Ar. Puan Zalena binti Abdul Aziz
Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berusaha Encik Ruzairy bin Arbi
Timbalan Pesuruhjaya Warisan, Jabatan Warisan Negara
Kementerian Pelancongan, Seni dan Warisan (MOTAC)**

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP

**Yang Dihormati Tuan Mohd Ibrahim bin Mohd Noor
Setiausaha Bandaraya MBSP**

**Yang Berusaha Puan Normaira binti Abdul Rahman
Pengarah Pembangunan Lestari merangkap Penyelaras Sesi *Outreach*
Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 dan Akta Warisan
Kebangsaan 2005 [Akta 645]**

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP

**Seterusnya, para jemputan, rakan kolaborasi dan rakan media yang
dihormati sekalian.**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Sesi *Outreach* Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]** pada petang yang penuh bermakna ini.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang kerana sudi memenuhi jemputan dan berkongsi maklumat serta kepakaran berkaitan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 dan Akta 645.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; dif-dif jemputan; warga MBSP dan para hadirin sekalian yang turut hadir bagi menjayakan sesi *outreach* ini.

Yang Berhormat Dato' / Tuan / Puan,

4. Inisiatif seperti ini amat bertepatan dalam memastikan semua pihak memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha melindungi warisan negeri dan negara.
5. Sesungguhnya, pembentangan dan perkongsian ilmu yang diberikan amat penting dalam meningkatkan kefahaman serta kesedaran semua pihak terhadap aspek pemeliharaan dan pemuliharaan warisan di Seberang Perai. Warisan bukan sahaja melibatkan bangunan atau tapak sejarah, tetapi turut merangkumi identiti, budaya dan nilai sejarah yang menjadi lambang jati diri masyarakat serta negeri ini.
6. Sebagai pihak berkuasa tempatan, Majlis Bandaraya Seberang Perai komited dalam memastikan pembangunan bandar dilaksanakan secara mampan dan seimbang dengan usaha memelihara aset serta nilai warisan yang terdapat di Seberang Perai. Kerjasama erat antara agensi Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan amat penting bagi memastikan warisan yang kita miliki terus terpelihara untuk generasi akan datang.
7. MBSP dijangka akan melaksanakan semakan semula inventori aset warisan ketara (*tangible heritage assets*) di Seberang Perai pada suku keempat tahun 2026. Semakan terdahulu telah dilaksanakan pada tahun 2013 dengan kerjasama dan bantuan daripada George Town World Heritage Incorporated (GTWHI). Sebanyak 1,115 aset warisan ketara dijangka akan disemak semula status inventornya.

Yang Berhormat Dato' / Tuan / Puan,

8. Saya percaya sesi *outreach* seperti ini dapat menjadi platform terbaik untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama, meningkatkan kefahaman terhadap aspek perundangan warisan serta memperkasa usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan secara lebih menyeluruh dan berkesan.
9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga sesi yang dianjurkan ini memberi manfaat kepada semua pihak dan menjadi pemangkin kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan yang lestari pada masa hadapan.
10. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sesi Outreach Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.